



## SOALAN LAZIM BERKAITAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR PROGRAM MATRIKULASI

1. **Bilakah pelajar yang telah pulang ke rumah sebelum PKP dilaksanakan boleh pulang ke kolej untuk mengambil barang peribadi?**

Pihak kolej akan mengeluarkan surat makluman/memo serta menghubungi pelajar berkenaan **tarikh** dan **masa** untuk pelajar datang ke kolej bagi mengambil barang peribadi.

2. **Bagaimanakah ibu bapa boleh pergi mengambil pelajar di kolej sedangkan sepanjang PKP terdapat sekatan jalan raya dan tidak dibenarkan melangkaui sempadan daerah/negeri?**

Pihak kolej/BM akan mengeluarkan surat makluman/memo dan ibu bapa perlu mendapatkan kebenaran pergerakan dari balai polis yang berdekatan.

3. **Adakah perbelanjaan tambang pelajar Sabah/Sarawak ke Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor atau mana-mana kolej di semenanjung ditanggung oleh kerajaan/BM?**

Pihak BM/kerajaan hanya membayar tambang perjalanan sekali sahaja pada awal dan akhir kepada pelajar Sabah/Sarawak yang belajar di Kolej Matrikulasi kejuruteraan atau yang mengikuti jurusan perakaunan profesional (JPPro) di Kolej Matrikulasi Selangor seperti yang termaktub dalam Perkara 2 (b) Perjanjian Pengambilan dan Pembiayaan Pelajar Program Matrikulasi, KPM.

*..... membayar balik ... akan tambang kapal terbang kelas ekonomi, sekali sahaja pada awal dan akhir pengajian iaitu dari lapangan terbang terdekat dengan Institusi Pengajian ke lapangan terbang terdekat dengan tempat tinggal dan sebaliknya, bagi PELAJAR dari Semenanjung yang mengikuti Program Matrikulasi di Sabah dan Sarawak, atau dari Sabah atau Sarawak yang mengikuti Program Matrikulasi di Semenanjung.*

4. **Siapa yang boleh datang ke kolej untuk mengambil barang peribadi pelajar?**

Pelajar hanya boleh hadir dengan seorang waris sahaja (ibu atau bapa atau penjaga sahaja) bagi mengambil barang-barang supaya perjalanan waris dan pelajar berkenaan berjalan lancar.

5. **Jika pelajar tidak sihat, bagaimanakah cara untuk mengambil barang peribadi pelajar yang ada di kolej?**

Hanya pelajar yang sihat perlu kembali semula ke kolej untuk mengambil barang. Pelajar yang tidak sihat perlu memaklumkan kepada pihak kolej untuk mendapatkan tarikh baharu untuk mengambil barangan. Namun begitu **pelajar dinasihatkan agar tidak menggunakan kenderaan awam semasa kembali ke kolej**. Sekiranya pelajar

terpaksa menggunakan kenderaan awam, sila pastikan semua langkah pencegahan Covid-19 yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipatuhi.

**6. Apakah peraturan yang perlu dipatuhi semasa pelajar dan waris hadir di kolej untuk mengambil barang peribadi pelajar?**

- i. Semua pelajar dan waris **WAJIB** memakai penutup muka dan menggunakan **hand sanitizer** sebelum disaring oleh pengawal keselamatan. Pelajar dan waris perlu membasuh tangan di kawasan yang disediakan berhampiran pondok pengawal.
- ii. Kenderaan waris dibenarkan masuk ke kawasan asrama. Namun waris **DILARANG** masuk ke dalam bangunan asrama. Bagi mencegah penularan wabak Covid-19, waris tidak digalakkan untuk menggunakan premis kolej seperti surau, kafeteria dan fasiliti yang lain.

**7. Apakah yang perlu dilakukan pelajar sebaik sahaja tiba di kolej?**

- i. Pelajar akan diberi tempoh masa yang bersesuaian untuk mengemas dan mempersiapkan peralatan dan barang-barang yang ingin dibawa pulang ke rumah.
- ii. Pelajar perlu memastikan bilik dalam keadaan teratur dan bersih sebelum meninggalkan kolej.
- iii. Pelajar perlu mengisi borang yang berkaitan dan diserahkan kepada pihak kolej.
- iv. Pelajar perlu mematuhi SOP pemulangan kunci bilik yang ditentukan oleh Penyelia Asrama.

\*kemaskini 8.30pagi 11 April 2020